

'Tuan Ibrahim menteri Pusat, bukan Menteri PAS'

September 5, 2022



BALIK PULAU: Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man digesa melihat isu air membabitkan Pulau Pinang dan Kedah dalam kapasitinya sebagai menteri Kerajaan Pusat dan bukan menteri PAS.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow, berkata Tuan Ibrahim sebagai menteri bertanggungjawab memastikan semua negeri mempunyai sumber air mentah mencukupi.

"Beliau juga perlu mengambil peranan untuk menangani isu air sekiranya ada kelemahan mana-mana negeri. Itu tanggungjawabnya sebagai menteri.

"Saya rasa menteri berkenaan perlu lihat dirinya sebagai menteri Malaysia dan bukan menteri PAS sebab satu pihak itu (Kedah) membabitkan kerajaan negeri di bawah pimpinan PAS," katanya selepas menyerahkan bendera negeri kepada kontinjen Pulau Pinang yang akan mengharungi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022, di Kem White Resort di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Tuan Ibrahim pada Jumaat lalu yang menyatakan Pulau Pinang mempunyai tanggungjawab moral membayar kepada Kedah berhubung sumber bekalan air yang diambil dari Sungai Muda.

Tuan Ibrahim berkata, Pulau Pinang mempunyai hak mengambil air dari Sungai Muda, namun aliran sungai berkenaan bermula di hutan di Ulu Muda, Kedah, perlu dipelihara dan dilindungi daripada pembalakan menyebabkan Kedah kehilangan sumber pendapatan yang berpotensi.

Kon Yeow turut menganggap kenyataan Tuan Ibrahim itu mengesahkan hak undang-undang Pulau Pinang untuk menggunakan sumber air mentah dari Sungai Muda.

"Sebab selama ini kita menekankan isu undang-undang dan konvensyen antarabangsa dan kita tak boleh lepas daripada konvensyen antarabangsa atau undang-undang yang mengawal penggunaan air apabila sumbernya melintasi beberapa negara ataupun negeri.

"Jadi saya anggap kenyataan ini mengesahkan hak undang-undang Pulau Pinang untuk menggunakan sumber air mentah dari Sungai Muda," katanya.

Kon Yeow berkata, Kerajaan Pulau Pinang akan terus membangkitkan isu air dalam semua jenis mesyuarat peringkat Persekutuan yang dihadiri kerana berpendapat masalah itu bukan sekadar membabitkan satu atau dua negeri, tetapi adalah isu nasional.

"Bayangkan jika lembangan air Ulu Muda terjejas dengan apa juga kegiatan pembalakan ataupun perlombongan sumber, ia akan menjejaskan sekurang-kurangnya tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang yang memerlukan perhatian dan tindakan Kerajaan Persekutuan," katanya.